

GARIS PANDUAN PENGAWALAN KUANTITI BAHAN MENTAH / KOMPONEN / AKSESORI BAGI PENGIMPORAN / PEMBELIAN YANG DI BERI PENGECUALIAN DUTI / CUKAI OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

1. PENGENALAN

Pihak MIDA telah memperbaharui sistem bagi permohonan pengecualian bahan mentah, komponen, dan aksesori dan telah dilancarkan pada 24 Julai 2020 yang dikenali sebagai Sistem Invest Malaysia. Sistem baru ini akan menggantikan sistem yang digunakan sebelum ini yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pengecualian Cukai (SMPC).

Surat kelulusan pengecualian duti atau cukai ke atas bahan mentah, komponen atau aksesori yang dikeluarkan menggunakan sistem InvestMalaysia ini tidak menetapkan stesen masuk dagangan yang dibeli atau diimport secara spesifik.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan :

- 2.1 menerangkan prosedur yang perlu dilakukan oleh syarikat setelah mendapat kelulusan pengecualian duti atau cukai ke atas bahan mentah, komponen atau aksesori melalui sistem InvestMalaysia.

3. TATACARA PELAKSANAAN

- 3.1 Syarikat perlu memuat turun Borang Pembahagian Kuantiti Bahan Mentah / Komponen / Aksesori Yang Diberi Pengecualian Duti/Cukai Oleh MIDA seperti di Lampiran 1.
- 3.2 Syarikat perlu menetapkan kuantiti barangan yang akan dibawa masuk melalui stesen-stesen yang dipilih dalam borang tersebut berdasarkan kuantiti yang diluluskan.
- 3.3 Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Cawangan Industri, Bahagian Perkastaman JKDM Zon / Negeri yang berdekatan dengan premis syarikat untuk mendapatkan pengesahan pegawai kanan kastam.
- 3.4 Pihak syarikat perlu memastikan kuantiti barangan dan stesen yang dipilih dalam borang tersebut adalah disahkan pegawai kanan kastam sebelum pengiklanan pada Borang Kastam dilakukan.
- 3.5 Pihak syarikat boleh menuntut pengecualian duti atau cukai ke atas bahan mentah, komponen atau aksesori yang telah diluluskan di stesen import di mana barangan tersebut akan dibawa masuk, Zon Bebas, Gudang Pengilangan Berlesen atau Gudang Berlesen

- 3.6 Sebarang pertukaran stesen asal atau perubahan kuantiti, pihak syarikat hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada pegawai kanan kastam di stesen asal.

4. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak syarikat yang mendapat kelulusan pengecualian duti / cukai ke atas bahan mentah, komponen atau aksesori daripada pihak MIDA melalui sistem InvestMalaysia. Tatacara ini perlulah dipatuhi oleh semua pihak bagi memastikan kelancaran proses kerja sewaktu proses pelepasan dagangan